


Oleh Presiden Henry B. Eyring  
Penasihat Pertama dalam Presidensi Utama



# Menjadi Pengikut Benar

**D**i setiap pertemuan sakramen, kita berpeluang untuk berjanji kepada Bapa Syurgawi bahawa kita akan selalu mengingati Juruselamat dan mentaati perintah-perintah-Nya supaya kita dapat memiliki Roh-Nya bersama kita (lihat Moroni 4:3; 5:2; A&P 20:77, 79). Mengingati Dia akan selalu datang kepada kita dengan mudah apabila kita mengambil nama-Nya ke atas diri kita. Kita melakukan ia dengan pelbagai cara tetapi khususnya apabila kita melayani orang lain dalam nama-Nya, membaca firman kudus-Nya, dan berdoa untuk mengetahui apa yang Dia hendak kita lakukan.

Ia berlaku kepada saya apabila melaksanakan pembaptisan untuk seorang pemuda. Saya tahu bahawa saya telah dipanggil sebagai seorang penginjil oleh orang suruhan tertahbis Juruselamat untuk mengajar Injil-Nya dan bersaksi tentang Dia dan Gereja-Nya yang benar. Saya dan rakan penginjil saya telah berjanji kepada pemuda tersebut bahawa dia akan dibersihkan melalui kuasa Korban Tebusan Yesus Kristus apabila dia bertaubat dengan iman kepada Juruselamat dan dibaptiskan oleh seorang suruhan-Nya yang berwewenang.

Semasa saya mengangkat pemuda itu dari perairan kolam pembaptisan, dia membisikkan ke telinga saya, “Saya bersih, saya bersih.” Pada ketika itu, saya ingati pembaptisan Juruselamat oleh Yohanes Pembaptis di Sungai Yordan. Lebih-lebih lagi, saya ingat bahawa saya sedang melakukan kerja penyelamatan Juruselamat yang

bangkit serta hidup—yang dihadiri oleh Roh Kudus, seperti Yohanes juga.

Bagi saya dan setiap daripada kita, mengingati Juruselamat merupakan sesuatu yang lebih daripada hanya bergantung kepada ingatan dari pengetahuan dan pengalaman kita dengan-Nya. Kita boleh membuat pilihan setiap hari yang membawa kita lebih dekat kepada-Nya sekarang.

Pilihan yang paling senang mungkin adalah untuk membaca tulisan suci. Dengan melakukannya, kita boleh berasa rapat dengan Dia. Bagi saya, kerapatan ini sering datang apabila saya membaca Kitab Mormon. Dalam beberapa minit pertama ketika saya membaca dalam babab 2 Nefi, saya mendengar dalam minda saya suara Nefi dan Lehi yang menjelaskan tentang Juruselamat seolah-olah mereka mengenali Dia secara peribadi. Suatu perasaan kerapatan datang.

Bagi anda, mungkin ayat-ayat lain dalam tulisan suci yang akan menarik anda kepada Dia. Tetapi di mana dan bila anda membaca firman Tuhan, dengan niat yang rendah hati serta ikhlas untuk mengingati Juruselamat, anda akan meningkatkan keinginan anda untuk mengambil nama-Nya ke atas diri dalam kehidupan harian anda.

Keinginan itu akan mengubah cara anda melayan dalam Gereja Tuhan. Anda akan berdoa kepada Bapa Syurgawi untuk bantuan dalam mengembangkan apa yang kelihatan sebagai panggilan yang kecil. Bantuan yang anda minta ialah keupayaan untuk melupakan diri dan lebih berfokus

kepada apa yang Juruselamat inginkan bagi mereka yang anda telah dipanggil untuk melayan.

Saya telah merasai tangan-Nya dan kerapatan-Nya dalam layanan saya dengan anak-anak kami apabila saya berdoa mengetahui cara untuk membantu mereka memperoleh kedamaian yang hanya didapati dari Injil. Pada ketika seperti itu, saya tidak mementingkan kelihatan saya sebagai bapa yang berjaya, tetapi saya sangat mengambil berat tentang kejayaan dan kebajikan anak-anak saya.

Keinginan untuk memberi mereka yang dilayani apa yang Juruselamat ingin berikan membimbing doa-doa yang merupakan suatu *rayuan* kepada Bapa Syurgawi, benar-benarnya dalam nama Yesus Kristus. Apabila kita berdoa dengan cara itu—dalam nama Juruselamat, dengan iman kepada-Nya—Bapa menjawab. Dia menghantar Roh Kudus untuk membimbing, menenangkan, dan menggalakkan kita. Oleh kerana Roh selalu memberi saksi Juruselamat (lihat 3 Nefi 11:32, 36; 28:11; Eter 12:41), keupayaan kita untuk mengasihi Tuhan dengan sepenuh hati, seluruh akal, dan segala kekuatan meningkat (lihat Markus 12:30; Lukas 10:27; A&P 59:5).

Berkat-berkat dari mengingati dia setiap hari dan kini akan datang dengan perlahan apabila kita melayani Dia, menjamui firman-Nya, dan berdoa dengan iman dalam nama-Nya. Dan ingatan ini akan membentuk kita untuk menjadi pengikut benar Tuhan Yesus Kristus dalam kerajaan-Nya di atas bumi—dan kemudian dengan Bapa-Nya di dunia mulia yang akan datang.

### MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Eyring menasihati kita untuk selalu mengingati Juruselamat dengan membuat pilihan setiap hari untuk mendekati Dia. Bersama mereka yang anda ajar, anda mungkin membaca doa-doa sakramen, yang menggariskan perjanjian untuk selalu mengingati-Nya (lihat Moroni 4:3; 5:2; A&P 20:77, 79). Pertimbangkan untuk menjemput mereka menyenaraikan hal-hal yang mereka dapat lakukan setiap hari untuk mengingati Juruselamat. Anda juga boleh pertimbangkan untuk

menjemput mereka berdoa kepada Bapa Syurgawi bagi kejayaan dan kesejahteraan sesama. Pertimbangkan untuk berdoa bagi mereka dalam cara yang sama.

## REMAJA

### Mengingati Tuhan Setiap Hari

**K**awan, kerja rumah, kerja sekolah, televisyen—ada banyak hal yang menuntut perhatian kita. Tetapi setiap minggu, kita berjanji kepada Bapa Syurgawi “bahawa [kita] dan selalu mengingati [Putera-Nya, Yesus Kristus]” (A&P 20:79).

Presiden Eyring telah berkata bahawa kita boleh “membuat pilihan setiap hari” yang menolong kita mengingati Juruselamat. Pertimbangkan menetapkan matlamat bulan ini untuk lebih mengingati Juruselamat setiap hari. Anda boleh membuat kalendar dan komitmen kepada satu perkara setiap hari untuk membina hubungan anda dengan Dia. Presiden Eyring menyenaraikan hal-hal seperti membaca tulisan suci, berdoa dengan iman, dan melayani Juruselamat dan orang lain. Terdapat juga menulis jurnal, menghadiri pertemuan Gereja, mendengar persidangan umum, pergi ke bait suci, menyanyi lagu rohani—terdapat banyak pilihan! Apabila kita mengingati Juruselamat setiap hari, Presiden Eyring berjanji kepada kita bahawa “berkat-berkat . . . akan datang perlahan-lahan . . . [dan] akan membentuk diri kita menjadi pengikut benar Tuhan Yesus Kristus.”

## KANAK-KANAK

### Kasih Sayang yang Banyak

**A**pabila kita membaca tulisan suci atau berdoa, kita dapat merasai betapa banyak Bapa Syurgawi dan Yesus mengasihi kita. Lukis beberapa hati yang kecil di dalam hati yang lebih besar. Warnakan satu hati setiap kali anda berdoa atau membaca tulisan suci anda. Apa lagi yang anda dapat lakukan untuk berasa lebih dekat dengan Bapa Syurgawi dan Yesus?



Iman Keluarga  
Pertolongan

# Memeluk Mereka Yang Sesat Dengan Kasih Sayang

*Kajilah pesanan ini dengan penuh doa dan cari ilham untuk ketahui apa untuk dikongsi. Bagaimanakah pemahaman tujuan Lembaga Pertolongan menyediakan puteri-puteri Tuhan untuk berkat-berkat kehidupan abadi?*

“**R**ealitanya adalah tidak ada keluarga yang sempurna . . .,” kata Presiden Dieter F. Uchtdorf, Penasihat Kedua dalam Presidensi Utama. Apa jua masalah yang dihadapi keluarga anda, apa jua yang harus anda lakukan untuk menyelesaikannya, permulaan dan pengakhiran penyelesaian ialah kasih ihsan, kasih suci Kristus.”<sup>1</sup>

Berkenaan mereka yang belum menurut Injil sepenuhnya, Linda K. Burton, bekas Presiden Utama Lembaga Pertolongan, telah berkata: “Bapa Syurgawi mengasihi semua anak-anak-Nya. . . . Tanpa mengira di mana mereka—mengikut jalan atau tidak—Dia inginkan mereka kembali ke rumah.”<sup>2</sup>

“Tidak kira betapa sesat [anak anda], . . . apabila anda bercakap dengan mereka, jangan melakukannya dengan marah, dengan keras, dengan cara mengutuk,” ajar Presiden Joseph F. Smith (1838–1918). “Bercakap kepada mereka dengan baik hati.”<sup>3</sup>

Elder Brent H. Nielson dari Tujuh Puluh mengulang arahan Juruselamat bagi mereka yang mempunyai 10 keping perak dan kehilangan sekeping: “Cari sehingga ia dijumpai. Apabila yang sesat itu anak lelaki atau anak perempuan anda, abang atau kakak anda, . . . selepas berusaha sebaik mungkin, kita mengasihi mereka dengan sepenuh hati. . . .

“Semoga kamu dan saya menerima wahyu untuk mengetahui cara yang terbaik untuk mendekati mereka yang sesat, dan apabila perlu, untuk bersabar dan mempunyai kasih sayang Bapa di Syurga dan Putera-Nya, Yesus Kristus, sambil kita menyayangi, memerhati dan menunggu untuk yang sesat.”<sup>4</sup>

Presiden Henry B. Eyring, Penasihat Utama dalam Presidensi Utama, berkata: “Saya telah berdoa dengan iman supaya seseorang yang saya kasihi akan mencari dan berasa kuasa Korban Tebusan. Saya telah berdoa dengan iman bahawa malaiikat manusia akan datang menolong,

dan mereka datang.

“Tuhan telah merancang cara untuk menyelamatkan setiap orang anak-anak-Nya.”<sup>5</sup>

## ***Tulisan Suci dan Maklumat Tambahan***

Matius 18:12; Alma 31:35;  
3 Nefi 13:32; A&P 121:41–42  
[reliefsociety.lds.org](http://reliefsociety.lds.org)

### **NOTA**

1. Dieter F. Uchtdorf, “Pujian Kepada Orang Yang Menyelamatkan,” *Liahona*, Mei 2016, 79, 80.
2. Linda K. Burton, dalam Sarah Jane Weaver, “Sister Burton, Sister Wixom Visit Church’s Pacific Area,” *Church News*, Apr. 2, 2013, [lds.org/church/news](http://lds.org/church/news).
3. *Ajaran-ajaran Presiden Gereja: Joseph F. Smith* (1998), 254.
4. Brent H. Nielson, “Menunggu yang Sesat,” *Liahona*, Mei 2015, 103.
5. Henry B. Eyring, “Kepada Cucu-cucu Saya,” *Liahona*, Nov. 2013, 71.

### ***Pertimbangkanlah Ini***

Bagaimana kita boleh terus menunjukkan kasih ihsan kepada mereka yang tidak ingin hidup menurut asas-asas Injil?